



**Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail bersama Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail bergambar dengan Azlan (enam dari kanan) dan barisan EXCO pada Majlis Pelantikan dan Mengangkat Sumpah Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Negeri di Istana Arau, semalam.**

# Raja Perlis pandang serius ADUN boikot angkat sumpah MB

Info

## Portfolio EXCO Perlis

### → Azlan Man

- Pentadbiran dan kewangan; pelaburan dan perdagangan antara bangsa; perancangan ekonomi dan pembangunan industri; hal ehwal tanah; dan keselamatan dan ketenteraman awam.

### → Asmaiza Ahmad

- Kemajuan luar bandar dan pembasian kemiskinan; pembangunan pusat pertumbuhan baru; pelancongan; dan kebudayaan, senian dan warisan.

### → Nurulhisham Yaacob

- Pertanian dan asas tani; perusahaan perladangan dan komoditi; dan penyelesaian penguatkuasaan bérsepudu dan aduan awam.

### → Azizan Sulaiman

- Perumahan dan kerajaan tempatan; penjaja dan peniaga kecil; perdagangan dalam negeri, koperasi dan kepenggunaan; dan pembangunan usahawan dan industri kecil dan sederhana.

### → Hamizan Hassan

- Prasarana awam; pengangkutan, belia dan sukan; dan pertubuhan bukan kerajaan.

### → Rozaini Rais

- Hal ehwal agama Islam; kebajikan dan bantuan bencana; dan hubungan dan kerjasama sempadan.

### → Rozieana Ahmad

- Pendidikan; pembangunan sumber manusia; sains, teknologi dan inovasi; dan teknologi maklumat dan komunikasi.

### → Siti Berenee

- pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat; perpaduan masyarakat; dan tugas-tugas khas.

### → Chai Aan

- Sumber asli dan alam sekitar; bioteknologi dan teknologi hijau; dan kesihatan.

● Baginda mahu kesilapan jadi iktibar supaya tak berulang lagi

B4/14 6.18/7/1/A/18 — Polihik

Oleh Muhammad Mustakim Ramli  
m.mustakim@NSTP.com.my

◀ Arau

**R**aja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail, semalam menggaskan baginda mengambil serius tindakan sembilan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di Perlis yang memboikot majlis angkat sumpah Menteri Besar.

Baginda bertitah ia kerana baginda sendiri yang terbabit dalam majlis berkenaan, selain berlangsung di istana.

“Kemelut itu tidak sepatutnya berlaku, saya pandang ia serius kerana majlis itu berlangsung di istana dan saya terbabit dalam lantikan Menteri Besar.

“Sembilan wakil rakyat boikot majlis itu, saya harap perkara ini tidak berlaku lagi,” titah baginda, semalam.

Baginda bertitah demikian pada Majlis Pelantikan dan Mengangkat Sumpah Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO)

Negeri di Istana Arau, pagi semalam.

Justeru, baginda mahu insiden itu tidak berulang pada masa depan.

Titahnya kesilapan berkenaan perlu dijadikan iktibar dan pengajaran serta tidak lagi berulang pada masa hadapan.

“Sepatutnya lantikan EXCO (Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri) diadakan lebih awal tetapi kerana kemelut yang tidak disangka berlaku, semuanya terpaksa ditunda ke helakang dan kita terpaksa bazir banyak masa.

#### Jangan berlaku lagi

“Saya bimbang apabila perkara seperti itu berlaku ia menunjukkan ada pemberontak dalam negeri kita. Tetapi mereka semua sudah menghadap dan memohon maaf kepada saya.

“Siapa dalam dunia ini tidak buat salah dan silap, jadi saya terima dan memaafkan mereka tetapi perkara itu jangan berlaku lagi,” titah baginda.

Tuanku Syed Sirajuddin bertitah, semua wakil rakyat di negeri ini melupakan parti masing-masing dan memberi tumpuan kepada rakyat.

“Ketepikan politik, politik 24 jam tidak membawa faedah. Beri tumpuan kepada pembangunan di negeri ini,” titah baginda.

Seramai lapan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perlis mengangkat sumpah sebagai

anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) negeri, semalam.

Mereka ialah Asmaiza Ahmad (Chuping), Nurulhisham Yaacob (Simpang Empat), Azizan Sulaiman (Santan), Hamizan Hassan (Kayang), Rozaini Rais (Beseri), Rozieana Ahmad (Pauh), Siti Berenee Yahaya (Mata Ayer) dan Teh Chai Ann (Titi Tinggi).

Pelantikan EXCO semalam menjadikan Perlis negeri terakhir menyelesaikan pembentukan kerajaan negeri selepas berlaku kemelut pelantikan Menteri Besar yang mengambil masa hampir sebulan.

Menteri Besar, Datuk Seri Azlan Mán, berkata kini adalah masanya untuk bekerja dan banyak perkara perlu dilakukan untuk pembangunan negeri.

“Saya yakin semua lapan ADUN yang diperkenan oleh Raja Perlis untuk menjadi EXCO ini akan bekerja keras dalam menjalankan tugas yang diamalkan dengan penuh komited.

“Kita berada dalam satu pasukan dan kita akan bergerak bersama-sama dalam menjalankan agenda yang sudah ditetapkan untuk membangunkan Perlis,” katanya.

Mengulas mengenai perbezaan tumpukan kepimpinan negeri dan pusat, Azlan berkata, Kerajaan Persekutuan tidak akan mengabaikan negeri pembangkang.